

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,
Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Kad Emas Korporat American Express®.
Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia berguna; anda juga disarankan untuk membacanya.

Kad : **Kad Emas Korporat American Express®**
Tarikh: Jun 2025

1. Apakah Kad Emas Korporat American Express®?

- Kad caj dengan pilihan untuk menetapkan had bulanan.
- Sebarang jumlah kredit yang digunakan perlu diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh tamat tempoh.
- Sebarang baki tertunggak yang tidak dibayar selepas tarikh tamat tempoh akan dikenakan Caj Lewat Bayar.

2. Ketahui Obligasi Anda

- Untuk kad caj ini, sebagai ilustrasi:

Jumlah perbelanjaan anda pada Januari 2025:	RM100,000.00
Tarikh Penyata:	31 Januari 2025
Tarikh Tamat Tempoh Penyata:	20 Februari 2025

Jumlah keseluruhan yang perlu anda bayar ialah RM100,000 sebelum 20 Februari 2025

- Anda perlu membayar fi dan charge berikut:
Caj bayaran lewat: 3.5% daripada keseluruhan baki yang belum dijelaskan atau minimum RM40.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- Fi & caj lain yang berkaitan, jika berkenaan.

FI & CAJ	JUMLAH
Fi Tahunan	RM220 setahun
Cukai Perkhidmatan	RM25/kad
Cek Tak Laku	RM100
Fi Penggantian Kad	RM50/kad
Fi Mendapatkan Semula Draf Jualan	RM15/salinan
Fi Permintaan Penyata Tambahan	<ul style="list-style-type: none">• Tempoh penyata bagi 2 tahun : RM5/bulan• Tempoh penyata lebih daripada 2 tahun : RM10/bulan
Kadar Penukaran Urus Niaga Luar Negara	<ul style="list-style-type: none">• Semua caj luar negara yang ditukarkan oleh American Express menggunakan faktor luar negara pertukaran 2% kepada jumlah yang ditukarkan.• 1% atau kadar lain yang dikenakan oleh kami, yang mungkin berubah dari semasa ke semasa.• Transaksi dilakukan dalam mata wang asing akan ditukarkan oleh American Express, kepada Dolar AS sebelum ditukarkan kepada mata wang pengebilan.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Baca **terma dan syarat** untuk Kad Emas Korporat American Express® sebelum anda memohon.



Menyelesaikan jumlah **penuh** penyata bulanan anda sebelum tarikh tamat tempoh.



Hubungi kami dengan segera sekiranya anda tidak dapat membayar penyata bulanan anda secara penuh.

3. Ketahui Risiko Anda

Apa yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda?

- Anda akan **membayar lebih** secara keseluruhan disebabkan caj lewat bayar dan faedah berganda.
- Kami **berhak untuk menolak** sebarang baki kredit dalam akaun anda yang disimpan bersama kami terhadap baki tertunggak anda.
- Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat, kami berhak untuk **menamatkan kad** anda.
- Kami akan **menggantung penggunaan kad jika BAYARAN PENUH tidak diterima** dalam tempoh 60 hari selepas tarikh akhir pembayaran sebelumnya.
- Kami mungkin mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda.
- **Skor kredit** anda mungkin terjejas, menyebabkan kemudahan kredit menjadi lebih sukar atau mahal untuk anda.
- **Liabiliti Tunggal:** Syarikat bertanggungjawab sepenuhnya atas semua caj yang dikenakan ke atas Pemegang Kad.
- **Liabiliti Bersama & Berasingan:** Syarikat dan setiap Pemegang Kad bertanggungjawab secara bersejajar terhadap hutang yang ditanggung bagi Kad yang dikeluarkan untuk individu.
- **Liabiliti Terhad:** Pemegang kad individu bertanggungjawab tetapi syarikat memiliki liabiliti terhadap perbelanjaan perniagaan.
- **Liabiliti Individu:** Pemegang Kad individu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembayaran.

4. Terma-terma penting lain

Sila kemas kini maklumat hubungan anda dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan bagi memastikan surat-menyurat dapat dilakukan tepat pada masanya. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai Kad Korporat anda, anda boleh menghubungi kami.



Hubungi
Pusat Khidmat Kad Maybank di
1300 88 6688 / 1800 88 9559



Emel ke
corpsvc@maybank.com /
mbbcardservices@maybank.com.my



Layari
www.americanexpress.com
atau **www.maybank2u.com**

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh:



Hubungi **Bank Negara Malaysia**
di **1300 88 5465**



Emel ke
bnmtelelink@bnm.gov.my